



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: SIASAT TERPERINCI SEBELUM BUAT TRANSAKSI

Publication/Portal: Sinar Harian

Date: 6 October 2018

Language: Malay

Section: X-Klusif

Page: 21

SIASAT TERPERINCI SEBELUM BUAT TRANSAKSI



SIM CHON SIANG

PELBAGAI taktik penipuan dilakukan khususnya melalui panggilan telefon bagi memperdayakan mangsa hingga mengakibatkan kerugian jutaan ringgit.

Adun Teruntum, Sim Chon Siang yang pernah membantu mangsa seorang penipuan sindiket ini berkata modus operandi mereka sangat licik.

"Saya lihat sindiket ini menggunakan modus operasi yang sama dan boleh menipu mangsa seminggu sebanyak tiga kali.

"Mereka juga bijak ambil kesempatan keadaan ekonomi tidak stabil dengan menjerat mangsa yang mengalami masalah kewangan.

"Saya harap kepada sesiapa yang sedang menghadapi perkara sama, jangan masukkan wang kepada individu tersebut, sebaliknya

segera buat laporan polis supaya pihak berkuasa dapat lakukan siasatan dan menangkap individu tersebut," katanya.

Chon Siang juga turut menasihatkan orang ramai jangan panik dan tidak mengikut arahan diberikan oleh pemanggil tanpa melakukan pemeriksaan dengan pihak bank.

"Jangan hubungi semula nombor telefon yang diterima, sebaliknya dapatkan nombor telefon rasmi syarikat, organisasi atau institusi terbabit untuk pengesahan lanjut.

"Jangan sesekali mendedahkan nombor akaun bank, nombor pin ATM atau kad kredit kepada orang tidak dikenali," katanya.

Menurutnya, masyarakat harus meletakkan radar curiga sebelum membuat sesuatu keputusan untuk memasukkan wang kepada mangsa yang tidak dikenali.